

PAS Labuan gesa 'blue print' pembangunan Labuan diperkasakan semula

LABUAN: PAS Labuan mencadangkan Perbadanan Labuan (PL) wajib mengadakan satu sesi 'brainstorming' atau sumbangan dalam masa terdekat yang melibatkan seluruh entiti yang ada di Labuan iaitu pemimpin-pemimpin parti tempatan, jabatan-jabatan kerajaan, pihak swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan pakar-pakar dalam semua bidang.

Yang Dipertua PAS Kawasan Labuan Haji Hamir Haji Zahari berkata, perbincangan itu hendaklah meliputi aspek pembangunan manusiawi, pemeraksanaan ilmu dan minda, pemeraksanaan ahlak, pemeraksanaan sivik dan pemeraksanaan sosial, khususnya perpaduan.

Beliau berkata, aspek pembangunan ekonomi dari segi makro tidak menjejaskan elemen-elemen manusiawi, tidak menjejaskan alam sekitar, memaksimumkan partisipasi anak tempatan (pemegang saham dan perjawatan) dan meningkatkan nilai tambah kepada komu-



AMIR

ni tempatan.

"Dari aspek mikro pula bersifat mesra peniaga-peniaga kecil tempatan (kurang birokrasi dan tidak rigid), memperbanyakkan dan menggalakkan taburan 'satellite stall' yang tersusun dan moden di sekitar kampung-kampung (membantu mengurangkan kesesakan jalan raya dan mempermudah peniaga-peniaga kecil untuk menjimatkan

kos penghantaran, memaksimumkan pendapatan dan menjimatkan masa berbanding mereka menghantar hasil jauh ke pusat bandar).

"Begitu juga aspek-aspek pembangunan sosial, pembangunan material, kelestarian alam sekitar dan hala tuju perindustrian.

"PAS Labuan yakin dengan pemeraksanaan semula itu, akhirnya kesemua elemen-elemen tadi berupaya melahirkan masyarakat yang berilmu, berakhlak, berinovasi, proaktif, kreatif, efektif dan keharmonian antara kaum juga akan dapat dicapai," katanya dalam satu kenyataan.

Hamir berkata demikian ketika merujuk kepada ucapan Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri Annuar Musa semasa Town Hall bersama kakitangan Perbadanan Labuan (PL) di Dewan Serbaguna Perbadanan Labuan pada 4 September lalu, yang menyatakan supaya 'blue print' pembangunan Labuan mesti dilihat dan diperkasakan semula.